

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI PADA HARI
PELAJAR DI MAKTAB PERGURUAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM PADA 28 NOVEMBER, 1965

Tuan Pengerusi, Tuan Pengetua¹, Pensyarah-pensyarah dan Pelajar-pelajar sekalian.

Saya amat sukacita kerana dapat hadir bersama merayakan "Hari Pelajar" di Maktab Perguruan Sultan Idris pada malam ini serta berpeluang pula memberi sedikit ucapan kepada tuan-tuan sekalian. Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Pengetua, Guru-guru dan pelajar-pelajar sekalian kerana sudi menjemput saya hadir dalam perayaan ini dan melawat Maktab yang termasyhur ini.

Kali yang akhir saya melawat ke Maktab ini ialah hampir 10 tahun dahulu, iaitu pada tahun 1956, semasa saya menjadi Menteri Pelajaran. Sepuluh tahun panjang masanya dan saya sangat sukacita kerana dalam masa 10 tahun yang lepas telah banyak kemajuan-kemajuan dan perubahan-perubahan semuanya untuk kebaikan Maktab ini dan Pelajar-pelajar sekalian. Secara kebetulan pula umur Maktab ini pada hari ini ialah 43 tahun — sama tuanya dengan saya sendiri. Maktab ini telah ditubuhkan pada tahun 1922 dan saya juga dilahirkan pada tahun itu. Dalam masa 43 tahun tertubuhnya, Maktab Perguruan Sultan Idris telah menjadi masyhur di seluruh Tanah Melayu, Singapura, Brunei dan Sarawak dan Maktab ini telah banyak memberi khidmat, bakti dan jasa yang besar kepada pelajaran Melayu, kebangkitan semangat kebangsaan Melayu di wilayah-wilayah yang saya sebutkan tadi. Selain daripada itu, sepanjang 43 tahun, Maktab ini telah menjadi sebagai pusat perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu moden dan saya berharap Maktab ini dapat mempertahankan kedudukannya ini sambil bekerjasama dan bertanding dalam memperkayakan lagi persuratan dan kesusasteraan dalam Bahasa Kebangsaan dengan pusat-pusat pengajian Melayu yang lain seperti Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya dan Maktab-maktab Perguruan yang lain.

Jasa dan bakti yang cemerlang yang telah diberi oleh Maktab Perguruan Sultan Idris kepada bangsa Melayu akan sentiasa dikenang dan dihargai oleh orang-orang Melayu dan jasa dan khidmat ini telahpun menjadi sebahagian daripada sejarah negara kita ini. Jasa-jasa Maktab Perguruan Sultan Idris ini sangat besar dan kalau saya dapat membuat

¹F.ncik Mohd Zain bin Abd. Rashid

bakti atau memberi khidmat kepada negara dan bangsa kita hanya 10 persen daripada jasa yang telah dibuat oleh Maktab yang masyhur ini, saya tentu bersyukur Kehadrat Tuhan. Cita-cita saya dan pemimpin-pemimpin bangsa kita yang lain dalam Kerajaan ialah untuk memberi khidmat yang jujur bagi kebaikan dan ketinggian bangsa dan negara kita yang dicintai ini. Itulah cita-cita kita yang besar — mengabdikan diri, fikiran dan tenaga berkhidmat untuk kepentingan rakyat negara kita ini.

Maktab Perguruan Sultan Idris seperti saya katakan tadi adalah masyhur di seluruh tanahair kita. Maktab ini juga adalah Maktab yang tertua sekali di Malaysia pada hari ini. Maktab ini telah banyak mengeluarkan guru-guru, tokoh-tokoh bahasa, pengarang-pengarang, penyair-penyair dan juga pemimpin-pemimpin lain dalam masyarakat Melayu, termasuklah tokoh-tokoh politik. Banyak tokoh-tokoh politik kita pada hari ini adalah bekas pelajar Maktab Perguruan Sultan Idris ini. Maktab ini adalah penggerak kesedaran dan keinsafan politik kepada orang-orang Melayu dan mencelikkan mata dan menimbulkan hasrat orang-orang kita kepada pelajaran tinggi, kemerdekaan dan kedaulatan dalam ekonomi. Banyak bekas-bekas pelajar Maktab ini sekarang yang sedang berkhidmat di merata-rata tempat di Malaysia, termasuklah di Singapura dan Brunei. Maktab ini sepanjang umur hidupnya telah berjasa besar kepada bangsa Melayu. Saya berdoa supaya Maktab Perguruan Sultan Idris ini akan terus menerus memberi khidmat yang cemerlang kepada anak-anak bangsa kita berpuluh-puluh tahun lagi bahkan beratus-ratus tahun pada masa akan datang.

Maktab ini sangat terkenal dan kerana kemasyhurannya, seperti juga Maktab-maktab yang baik di merata-rata dunia, ia mempunyai tradition atau adat ataupun kata orang-orang kita sekarang 'tradisi' yang sangat bagus dan membanggakan. Oleh kerana tradisi dan reputation Maktab ini baik maka hendaklah pelajar-pelajar semua sentiasa cemburu dan menjaga nama baik Maktab ini sepanjang masa. Tuan-tuan sekalian telah mewarisi satu tanggungjawab yang berat dan saya berharap tuan-tuan semua bukan sahaja akan menjaga nama baik pusat pengajian dan perguruan Melayu yang ulung ini. Tetapi juga terus menerus berusaha mengharumkan lagi nama baik Maktab Perguruan Sultan Idris ini supaya ia mendapat kedudukan dan sanjungan yang lebih sempurna dan tinggi lagi dalam dunia pelajaran tinggi di negara kita ini.

Kita sentiasa mesti mengejar kemajuan, kalau tidak, bangsa kita akan terus tinggal di belakang. Bangsa kita telah tertekan dengan hebatnya di bawah penjajah British dan semenjak merdeka 8 tahun yang lepas kerajaan telah banyak membawa perubahan-perubahan dan kemajuan bagi orang-orang Melayu, terutama sekali mereka yang tinggal di luar bandar. Kemajuan adalah sangat penting bukan sahaja kepada sesebuah

negara tetapi juga kepada tiap-tiap rakyat yang bercita-cita tinggi. Apa yang dianggap kemajuan pada tahun lepas boleh jadi telah menjadi kuno pada tahun ini dan kerana itulah mustahak kita sentiasa berfikir, bergerak dan hidup selaras dengan kemajuan sains dan teknologi dan tidak lagi ditekan, disekat dan dipengaruhi oleh cara-cara hidup dan cara-cara berfikir yang lama, cara-cara yang tidak progresif. Bangsa kita janganlah hendaknya tergendala kemajuannya oleh kerana cara berfikir dan konsep hidupnya tidak praktikal dan sesuai dengan keadaan masa sekarang ini. Kita mestilah membaharui azam hendak hidup lebih maju lagi dan mencapai nikmat-nikmat dan kemakmuran hidup yang dibawa oleh sains dan teknologi. Berdasarkan inilah, saya menyeru pelajar-pelajar sekalian supaya mengikis perasaan 'puas hati', "semangat tidak apa", atau semangat "acuh tidak acuh" yang sering didapati di kalangan masyarakat bumiputera. Semua cita-cita kita boleh dicapai jika kita berusaha dan tekun mengejanya. Saya menyeru supaya pelajar-pelajar mestilah bercita-cita tinggi dan bekerja dengan jujur. Siapa yang berusaha maka dialah yang mendapat kejayaan hidup dalam dunia yang penuh dengan pertandingan ini. Semangat "puas hati" dan "manja" di kalangan bangsa Melayu telah merosakkan orang-orang kita sendiri, sehinggakan mereka ketinggalan di dalam semua lapangan dalam negeri mereka sendiri. Kerajaan Perikatan sentiasa berusaha hendak mengubah nasib rakyat di luar bandar tetapi sejauh mana Kerajaan boleh menolong; pertolongan Kerajaan ada hadnya. Kemajuan-kemajuan tidak boleh dicapai oleh mana-mana rakyat jika rakyat itu sendiri tidak mahu menolong diri mereka pula. Kerajaan hanya boleh menolong tetapi kesedaran dan kerajinan mestilah datang dari rakyat itu sendiri.

Pelajar-pelajar sekalian mempunyai kewajiban yang besar kerana tuan-tuan selepas lulus dari Maktab ini akan pulang ke tempat masing-masing menjadi ahli-ahli pendidik. Tanggungjawab tuan-tuan adalah penting sekali terhadap anak bangsa kita pada masa akan datang. Lemah ataupun kuat rakyat Malaysia akan terletak kepada tuan-tuan sekalian kerana pelajaran dan didikan yang mereka akan terima dari tuan-tuan akan mempengaruhi jiwa mereka selain daripada asuhan-asuhan yang mereka terima di rumah masing-masing. Sebagai guru, tuan-tuan dapat mempengaruhi, membentuk fikiran dan pandangan serta pendapat dan konsep hidup anak-anak kita. Kalau guru-guru kurang terlatih, tidak cergas dan mempunyai konsep hidup yang lemah dan tidak menarik, mahu tidak mahu dengan secara tidak langsung mesti pula konsep dan kelemahan ini akan diwarisi oleh anak-anak itu. Sebaliknya jika guru-guru dinamik, cerdik, berusaha dan mempunyai konsep hidup yang tinggi dan yang boleh memberi pengharapan besar dalam masa hidup sudah tentu pula anak-anak di sekolah akan tidak secara langsung dipengaruhi oleh pendapat-pendapat dan konsep yang mulia itu.

Kita mahu anak-anak kita dipengaruhi dengan cara-cara pemikiran yang bebas dan teguh dan dengan konsep yang progresif dan dinamik supaya mereka akan menjadi anak-anak yang cergas dan menjadi bakal rakyat yang insaf dan rajin bekerja bagi faedah diri sendiri, faedah keluarga mereka dan bagi kepentingan negaranya. Saya menyeru supaya kaum guru dan bakal-bakal guru melengkapkan diri masing-masing dengan fikiran-fikiran yang baik dan mengikut konsep-konsep hidup yang .dinamik dan sesuai dengan pergerakan politik dalam negara kita hari ini dan apa yang sedang berlaku di sekeliling kita. Guru-guru khususnya dan tiap-tiap rakyat hendaklah sentiasa memperbaiki lagi pelajaran masing-masing, lebih-lebih lagi bagi mempunyai kesedaran kepada tanggungjawab masing-masing. Saya menyeru supaya orang-orang kita melengkapkan diri dengan sifat-sifat yang lebih mulia yang lebih tinggi lagi supaya mereka boleh menjadi contoh atau teladan kepada murid-murid dan pelajar-pelajar khususnya kepada masyarakat amnya. Guru-guru hendaklah lebih tekun, jujur dan ikhlas dalam kerja masing-masing dan dalam pergaulan kerana guru-guru adalah pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli pendidik dan kerana peranan guru-guru mempunyai tempat yang penting dan berpengaruh dalam masyarakat sesuatu bangsa itu, apa lagi, dalam masyarakat Melayu yang sedang bangun dan muncul, di mana cerdik-cerdik pandainya masih kekurangan. Mustahak guru-guru sebagai ahli-ahli pendidik menjadi 'cermin' kepada masyarakat di mana mereka berada dan juga kecekapan guru-guru sekarang akan 'mencerminkan' kehandalan masyarakat yang akan lahir pada masa akan datang. Jika anak-anak bangsa kita tidak dapat didikan yang baik nescaya bangsa kita akan menjadi suatu bangsa yang tidak maju, sebaliknya jika anak-anak kita mendapat didikan yang baik dan pimpinan-pimpinan yang cekap dari sekolah-sekolah rendah maka sudah tentu kita akan melahirkan satu bangsa yang kuat. Di sekolah-sekolah rendahlah, anak-anak mula-mula membina asas bagi mereka melanjutkan pelajaran ke sekolah-sekolah menengah dan ke universiti. Tetapi jika asas yang di sekolah rendah lemah, pelajaran mereka di peringkat lain akan lemah. Satu-satu sebabnya kekurangan bilangan anak-anak Melayu di universiti dan di sekolah-sekolah tinggi ialah kelemahan asas pelajaran dan didikan yang tidak kuat semasa mereka di sekolah-sekolah rendah. Perkara ini mestilah diperbaiki, asas pelajaran anak-anak Melayu di sekolah rendah terutama sekali mesti diperkuatkan. Darjat pelajaran Melayu keseluruhannya mestilah ditinggikan jika kita mahu anak-anak bangsa kita ramai masuk ke Universiti Malaya dan tempat pelajaran tinggi yang lain-lain.

Kita mahu menegakkan dan mendaulatkan bahasa Kebangsaan di semua peringkat tetapi saya suka menarik perhatian tuan-tuan tentang perbezaan di antara "bahasa" dengan "pengetahuan". Jika seorang hanya menguasai "bahasa" tetapi ia tidak mempunyai 'pengetahuan'

peranannya tidak akan begitu penuh. Kita berkehendak ilmu, bahasa dan pengetahuan sama-sama. Kalau ada pengetahuan, bahasa tidak ada, pun tidak jadi juga. Orang-orang Melayu mestilah mencari "pengetahuan" walau dalam apa bahasa pun, jika pengetahuan itu dapat dipelajari dalam bahasa Melayu, lebih baik tetapi janganlah pula segan mempelajari ilmu itu melalui bahasa-bahasa lain.

Kerajaan Perikatan sedang berusaha hendak memenuhi hasrat kebangsaan kita hendak memberi segala ilmu dan pengetahuan melalui bahasa Kebangsaan tetapi sementara cita-cita itu dapat dilaksanakan, saya harap orang-orang kita akan mencari ilmu dalam apa bahasa pun tetapi janganlah pula cuai dalam pelajaran bahasa ibundanya sendiri.

Tuan-tuan sekalian hendaklah sedar yang kita sekarang berada dalam dunia yang tak putus-putus berhuruhara, berperang dan yang penuh dengan berbagai-bagai faham politik atau ideologi yang bertentangan antara satu dengan lain. Negara kita juga tidak terkecuali daripada keadaan ini - kita juga mempunyai berbagai-bagai fahaman dan ideologi politik yang berlawanan antara satu dengan lain dan negara kita sedang diceroboh oleh Indonesia serta menghadapi bahaya-bahaya yang ditimbulkan oleh orang-orang anti-nasional dan subversif. Negara kita ialah sebuah negara yang muda dan dinamik. Malaysia baru sahaja mencapai kemerdekaan 2 tahun, dan Malaya selama 8 tahun. Dafi semenjak kemerdekaan, negara kita telah mengambil bahagian sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat disamping negara-negara yang lain di dunia ini. Dengan itu tidak dapat tidak kita mempunyai masalah-masalah yang banyak dan kusut baik di dalam dan luar negara dan penganjur-penganjur kita pada masa akan datang akan memikul tanggungjawab yang lebih berat lagi daripada penganjur-penganjur yang ada pada hari ini atau yang sudah-sudah. Penganjur-penganjur hari ini bertanggungjawab mengisi kemerdekaan yang telah dicapai itu dan kita bertanggungjawab membina pula suatu bangsa yang mempunyai satu taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Malaysia dan satu rupa bangsa. Dalam masa itu juga kita mesti sentiasa bertanggungjawab kepada rakyat bumiputera untuk memperbaiki keadaan ekonomi, pelajaran dan sosial mereka sementara kita menarik orang-orang bangsa asing yang telah menumpukan taat setia mereka kepada negara ini supaya betul-betul taat dan bekerjasama dengan kita dengan sepenuhnya untuk kebaikan dan keselamatan negara kita.

Kita tahu masalah menubuhkan satu bangsa yang taat setianya tidak berbelah bagi kepada Malaysia akan mengambil masa yang lama. Sebelum ini dicapai mustahak kita sentiasa menjaga perhubungan yang baik di antara penduduk-penduduk negara ini supaya keamanan dan perpaduan dalam negara terjamin. Bagi pihak Kerajaan Perikatan yang ada sekarang ini kita sedar dengan adanya kemerdekaan politik mustahak

penduduk-penduduk negara ini, terutama orang-orang Melayu dan bumiputera, mendapat peluang dan bahagian-bahagian yang lebih luas lagi dalam lapangan iktisad dan kemajuan negara ini. Dengan sebab itu selepas sahaja kita mencapai kemerdekaan dan selepas sahaja kita mengamankan tanahair kita ini daripada penganas komunis, Kerajaan Perikatan telah menumpukan usaha dan tenaga untuk kemajuan negara bagi memberi kemudahan-kemudahan hidup kepada rakyat terutama sekali mereka yang tinggal di luar bandar dan di kampung-kampung.

Sekarang ini Kerajaan sedang berusaha untuk meninggikan taraf hidup, hendak memberi rakyat di luar bandar peluang yang lebih besar dalam lapangan iktisad dan perniagaan dan memperluaskan mata pencariannya. Dan sebab-sebab itulah Kerajaan telah mengadakan Kongres Ekonomi Bumiputera pada bulan Jun tahun ini dan telah melaksanakan keputusan-keputusan besar kongres itu.

Penubuhan MARA, Bank Bumiputera dan juga Syarikat Kebangsaan adalah di antara keputusan-keputusan Kongres yang besar daripada 69 keputusan semua sekali. Kerajaan Perikatan telah berjanji hendak menjalankan tiap-tiap satu daripada 69 keputusan yang dibuat oleh Kongres Ekonomi Bumiputera dan kita berharap setelah semua ini dilaksanakan ekonomi bumiputera akan mendapat "sedikit tempat" di dalam bidang ekonomi dan perusahaan di seluruh negara ini. MARA, Bank Bumiputera dan FAMA diharap akan dapat menolong memperbaiki ekonomi orang-orang Melayu di luar bandar dan menjamin orang-orang Melayu mendapat modal, peluang dan membuat perhubungan dengan perusahaan asing dengan ahli-ahli perniagaan lain dan juga FAMA dijangka akan menjamin pasaran dan harga yang berpatutan bagi hasil-hasil dari luar bandar. Kita sedar orang-orang Melayu dan bumiputera di negara kita ini tidak mempunyai kekuatan dan kebolehan untuk menjalankan usaha-usaha dalam lapangan iktisad dan perniagaan dengan sebab itulah Kerajaan telah mengadakan kemudahan-kemudahan ini dan kita juga meminta kerjasama yang erat dari bangsa-bangsa yang bukan Melayu di negeri kita ini supaya mereka memberi pertolongan seboleh-bolehnya bagi orang-orang Melayu dan bumiputera bertapak dalam dunia perniagaan dan perusahaan di negara Malaysia ini. Kerajaan berpendapat, adalah penting bukan sahaja bagi keselamatan negara Malaysia, perpaduan baik antara bangsa-bangsa tetapi juga untuk kepentingan orang-orang bukan Melayu sendiri bagi mereka menolong rakyat bumiputera supaya mendapat tempat yang sempurna dalam dunia perniagaan dan perusahaan. Jika tidak, keadaan ekonomi yang tidak seimbangan ini akan menimbulkan perselisihan-perselisihan dan jika ini berlaku sudah tentu negara ini akan menjadi huru hara yang tidak akan memberi keuntungan kepada mana-mana pihak pun.

Masa hadapan negara kita ini terletak pada perpaduan antara bangsa dalam Malaysia dan juga pada sejauh manakah orang-orang bumiputera dapat menikmati kekayaan dan kemakmuran yang ada di dalam Malaysia hari ini. Perpaduan dan keamanan negara ini terjamin jika orang-orang bumiputera berasa yang mereka mendapat tempat yang saksama dan adil dalam bidang ekonomi, perusahaan dan pelajaran dan saya menyeru supaya orang-orang bukan Melayu sama-sama menolong orang-orang bumiputera mencapai cita-cita dan hasrat ini. Kalau tidak, nescaya orang-orang bumiputera akan sentiasa cemburu dan akan mempertahankan segala hak-haknya yang masih ada lagi sedikit-sedikit itu, hak-hak politik daripada dikongsi dengan orang-orang lain lagi. Kerajaan Perikatan berazam hendak menjalankan dasar-dasar yang boleh memenuhi hasrat rakyat dari semua bangsa di tanahair kita ini supaya semua rakyat mempunyai taraf hidup dan kedudukan yang sempurna, seimbang dengan taraf hidup di negara-negara industrial yang maju seperti negara Jepun dan Eropah.

Saya suka juga berucap sedikit berkenaan dengan masalah pimpinan Malaysia kerana masalah ini adalah penting sebab sama ada Malaysia terus hidup atau tidak terletaklah pada sifat-sifat pemimpin-pemimpin pada masa hadapan. Sama ada negara kita terus hidup subur, sama ada demokrasi akan terus hidup subur atau mati, sama ada kebebasan seseorang akan terus menerus hidup di negara kita, sama ada faham komunis dapat dijenyapkan adalah terletak di atas corak pemimpin-pemimpin yang akan mengendalikan pemerintahan Malaysia pada masa akan datang dan juga bantuan-bantuan negara-negara sahabat kita untuk menolong menjamin pelaksanaan cita-cita rakyat mahu hidup lebih aman dan mempunyai taraf hidup yang lebih tinggi lagi. Soal pimpinan negara seperti Malaysia sebuah negara yang baru muncul dan sedang maju sangatlah penting. Corak pimpinan Malaysia akan menentukan untung nasib negara kita pada masa akan datang, akan menentukan cara hidup rakyat dan bentuk bangsa dan negara kita. Pada pendapat saya, pemimpin-pemimpin yang akan menguasai politik di negara kita ini ialah mereka yang faham dan mengamalkan dasar demokrasi. Negara kita mempunyai penduduk-penduduk daripada berbagai-bagai bangsa dan kerana ini amatlah sesuai dasar demokrasi ini. Pemimpin-pemimpin yang akan mendapat kejayaan dalam bidang politik di Malaysia ini ialah mereka yang menggunakan pelajaran dan sifat-sifat pimpinan yang jujur, yang semata-mata untuk berkhidmat dan mengorbankan diri kepada negara, bangsa dan ugama.

Kita mahu pemimpin-pemimpin kita mereka yang terpelajar dan pandai supaya mereka boleh menggunakan segala pengetahuannya untuk menolong rakyat yang miskin dan yang tidak bernasib baik, dan untuk menolong negara ini dan Kerajaan membetulkan masyarakat

yang kurang adil atau yang kurang betul yang ada di dalam negeri kita hari ini. Pengetahuan dan pimpinan mestilah disamakan dengan cita-cita rakyat negara kita ini untuk mencapai kemakmuran dan kebahagiaan hidup yang lebih sempurna. Inilah corak pemimpin-pemimpin yang negara kita berkehendakkan dengan ramainya. Rakyat bumiputera Malaysia berkehendakkan sebanyak-banyak pemimpin-pemimpin yang tulus ikhlas dan yang bersedia berkhidmat untuk kebajikan dan kesenangan rakyat. Kita berkehendakkan pemimpin-pemimpin, guru-guru, engineer-engineer, ahli-ahli siasah, doktor-doktor dan saintis-saintis dan lain-lain lagi yang menjuarakan perpaduan dan perasaan muhibbah antara bangsa-bangsa di negara ini dan yang bekerja untuk keselamatan dan kemakmuran negara ini. Kita berkehendakkan pemimpin-pemimpin yang tahu bagaimana masalah-masalah kaum di Malaysia ini dapat diselesaikan berdasarkan kepada keadaan yang ada pada hari ini. Mereka yang menggunakan perkauman dalam politiknya tidak akan kekal pada akhirnya. Rakyat Malaysia adalah praktikal, mereka cerdik, pandai dan tahu mana perkara yang betul dan mana yang salah. Saya tahu penduduk-penduduk negara ini terutama kawan-kawan kita, orang-orang Cina, tidak akan membahayakan kedudukan politik dan keamanan yang ada dalam negara pada hari ini dengan menimbulkan perkara-perkara yang sangat chauvinis dan juga orang-orang Melayu, saya harap, tidak akan menimbulkan perkara-perkara yang boleh memecah belahkan perpaduan negara. Kita percaya kedua-dua bangsa yang besar ini akan sedar betapa pentingnya perpaduan di negara kita ini mesti dijamin kerana jika perpaduan tidak terjamin, negara ini akan hancur lebur dan rakyat semua sengsara. Saya menyeru supaya rakyat semua bersahabat dan sentiasa memberi taat setia kepada Kerajaan yang ada pada hari ini. Janganlah tuan-tuan risau dengan desakan dari setengah-setengah pihak itu. Sepanjang Parti Perikatan memerintah negara ini kita akan menjunjung tinggi semangat dan isi Perlembagaan negara kita. Saya yakin negara ini akan selamat jika semua rakyat berpandukan kepada Perlembagaan dan jangan membuat sesuatu yang terkeluar dari semangat dan isi Perlembagaan.

Dengan kemerdekaan mustahaklah kita memandang dengan pandangan yang jauh kerana sekarang ini negara kita bukan sahaja Persekutuan Tanah Melayu bahkan telah menjadi Malaysia dan penduduk-penduduk negara ini daripada bumiputera di Sabah dan Sarawak ada yang sama sebangsa dengan orang-orang Melayu dan kita mustahak memberi pertolongan dan timbangan yang sama dengan orang-orang Melayu. Begitu juga di negara kita ini ada penduduk-penduduk daripada bangsa-bangsa asing yang telah menjadi warganegara Malaysia dan telah mengaku hendak menumpukan taat setia mereka itu kepada negara ini sahaja, mustahaklah kita memberi timbang rasa dan layanan kepada mereka itu dengan sewajarnya menurut Perlembagaan negara kita. Kita

berdasarkan demokrasi yang berparlimen dan kita mempunyai Perlembagaan yang menjaga hak-hak dan hak-hak asasi semua pihak dan Perlembagaan membolehkan Kerajaan memberi kelebihan-kelebihan kepada rakyat bumiputera dengan tidak mengambil hak orang-orang lain. Oleh itu di bawah Perlembagaan negara kita, rakyat daripada semua bangsa boleh hidup dengan aman damai dan boleh mempunyai tempat yang sempurna. Dengan sebab itu, tuan-tuan sekalian, pimpinan yang tuan-tuan akan beri pada masa akan datang bukan hanya kepada orang-orang Melayu sahaja bahkan kepada rakyat bumiputera yang lain dan kepada rakyat yang berasal daripada bangsa-bangsa lain. Inilah kesimpulan, pada keseluruhan syarat-syarat bagi seseorang yang hendak menjadi penganjur itu tidak bertukar, tetapi tanggungjawabnya bertambah; berlipat kali ganda dengan perubahan politik dan dengan ini memerlukan pembaharuan fikiran, langkah dan tujuan.

Saya ucapkan kepada tuan-tuan sekalian selamat maju jaya dan saya berdoa dengan genapnya usia Maktab ini 43 tahun, Maktab Perguruan Sultan Idris akan bertambah maju dan dapat mendidik dan mengeluarkan ramai lagi penganjur-penganjur yang masýhur pada masa akan datang.

Saya sangat gembira mendapat tahu bahawa penuntut-penuntut semua sedar tanggungjawab itu. Selain daripada menjalankan kewajipan membekalkan diri untuk menjadi guru, mereka juga menyambut cabaran negara dengan menubuhkan Pasukan Kawalan Malam, mendermakan darah dan mengumpulkan wang untuk Tabung Pertahanan Negara. Saya bagi pihak Kerajaan mengucapkan ribuan terima kasih kepada penuntut-penuntut Maktab ini kerana menunjukkan taat setia mereka kepada negara ini, tidak seperti setengah-setengah pelajar di negara kita ini yang nampaknya kurang berbudi dengan Kerajaan.

Terima kasih.